



**JABATAN PERTANIAN**



**TATACARA OPERASI PIAWAI**

**1.5.8/0016/BKKT/0002**

**TATACARA OPERASI PIAWAI BAGI  
PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN  
POKOK INDUK DI BAWAH SKIM  
PENGESAHAN BAHAN TANAMAN**

PERKARA	DILULUSKAN	DIDAFTARKAN
TANDATANGAN		
NAMA	<b>DATO' NOR SAM BINTI ALWI</b>	<b>MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN</b>
JAWATAN	<b>KETUA PENGARAH PERTANIAN</b>	<b>PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK</b>
TARIKH	<b>3 1 OCT 2022</b>	<b>3 1 OCT 2022</b>







## BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN

Muka Surat

8

Tarikh Kuatkuasa

NO. PENDAFTARAN  
TOP:  
1.5.8/0016/BKKT/0002

TATACARA OPERASI PIAWAI BAGI PEMERIKSAAN  
DAN PENGESAHAN POKOK INDUK DI BAWAH  
SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

Bil. Pindaan

PEMILIK TOP

SEKSYEN PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

Tarikh Akhir  
Kemaskini

### PROSEDUR PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN POKOK INDUK DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

#### 1. Tujuan

TOP ini disediakan sebagai garis panduan kepada urus setia dan Pegawai Pemeriksa dalam menjalankan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

#### 2. Pengenalan

Skim Pengesahan Bahan Tanaman diwujudkan untuk memastikan petani memperoleh bahan tanaman yang berkualiti, tulen dan bebas daripada penyakit. Bahan tanaman daripada varieti terpilih yang tulen dan berkualiti merupakan input penting dalam pengeluaran hasil pertanian bernilai tinggi.

Petak mata tunas atau pokok induk adalah sumber sion dalam pembiakan bahan tanaman. Peserta Skim yang hendak membuka petak mata tunas atau menanam pokok induk perlu menggunakan bahan tanaman yang telah diperakukan di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk merupakan satu tatacara yang perlu dipatuhi oleh Seksyen Pengesahan Bahan Tanaman untuk memastikan Peserta Skim yang telah mempunyai petak mata tunas atau pokok induk adalah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Prosedur Pendaftaran Peserta Skim; dan Standard Minimum Jarak Penanaman dan Jarak Pengasingan, Jabatan Pertanian Malaysia. Hasil Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman untuk kelulusan.

### **3. Skop**

---

TOP ini digunakan oleh urus setia di Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman dan Pegawai Pemeriksa dalam melaksanakan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk Peserta Skim.

### **4. Definisi**

---

#### 4.1) Urus setia

Pegawai di Seksyen Pengesahan Bahan Tanaman, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman yang bertanggungjawab menyelaras Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

#### 4.2) Peserta Skim

Pengeluar bahan tanaman yang berdaftar di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

#### 4.3) Pegawai Pemeriksa

Pegawai kompeten yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pertanian untuk melaksanakan tugas-tugas di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

### **5. Tanggungjawab**

---

TOP ini dibawah tanggungjawab Pengarah, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman yang bertanggungjawab menyemak dan menilai setiap butiran yang terkandung di dalamnya.

Pegawai-pegawai Seksyen Pengesahan Bahan Tanaman akan sentiasa mengemaskini dan menambahbaik TOP ini dari masa ke semasa bersesuaian dengan keadaan dan keperluan TOP ini.

Pegawai-pegawai yang terlibat akan memeriksa dan mengesahkan pokok induk Peserta Skim mengikut tatacara seperti yang digariskan di dalam TOP ini.

### **6. Tatacara**

---

Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman adalah seperti berikut:

-




- 6.1 Urus setia terima arahan selaras permohonan daripada Pengarah untuk Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk Peserta Skim.
- 6.2 Urus setia terima Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3) daripada Peserta Skim.
- 6.3 Urus setia buat semakan dan memastikan Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3) diisi dengan lengkap.
- 6.4 Urus setia menurunkan tandatangan dan cop; tarikh borang diterima dan disemak; serta menyatakan di ruangan keputusan sama ada borang adalah 'Lengkap', 'Tidak Lengkap' atau 'Tidak Memenuhi Syarat' pada Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3). Urus setia menyatakan perkara yang tidak memenuhi syarat pada ruangan catatan bagi borang yang 'Tidak Lengkap' dan 'Tidak Memenuhi Syarat'.
- 6.5 Urus setia beri Surat Makluman Penerimaan Permohonan (ABK 3A) kepada pemohon bagi permohonan yang 'Lengkap'.
- 6.6 Bagi permohonan yang 'Tidak Lengkap', urus setia hubungi pemohon untuk melengkapkan borang permohonan. Manakala, permohonan yang 'Tidak Memenuhi Syarat' akan ditolak dan Surat Makluman Penolakan Permohonan (ABK 3B) diberikan kepada pemohon.
- 6.7 Urus setia terima arahan dari Pengarah untuk selaras pelaksanaan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk ke atas premis dan nurseri pemohon bagi permohonan yang 'Lengkap'.
- 6.8 Urus setia sediakan jadual pemeriksaan dan kenalpasti dua (2) Pegawai Pemeriksa yang akan dilantik untuk melaksanakan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk.
- 6.9 Pengarah melantik dua (2) Pegawai Pemeriksa yang telah dikenalpasti dan mengarahkan Pegawai Pemeriksa tersebut untuk melaksanakan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk melalui Surat Arahan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3C) yang dilampirkan bersama jadual pemeriksaan.
- 6.10 Urus setia maklum Peserta Skim jadual pemeriksaan melalui panggilan telefon dan emel.

- 6.11 Pegawai Pemeriksa terima arahan melaksanakan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk dan mengadakan Mesyuarat Pembukaan Pemeriksaan bersama Peserta Skim sebelum pemeriksaan dilaksanakan.
- 6.12 Pegawai Pemeriksa melaksanakan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk dengan memastikan pokok induk adalah memenuhi syarat-syarat di bawah Prosedur Pemeriksaan Pokok Induk yang telah ditetapkan mengikut jenis tanaman.
- 6.13 Pegawai Pemeriksa menyediakan dua (2) salinan asal Laporan Pemeriksaan (ABK 8).
- 6.14 Bagi pemeriksaan yang 'Lulus', Pegawai Pemeriksa menyediakan dua (2) salinan asal Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7).
- 6.15 Pegawai Pemeriksa mengadakan Mesyuarat Penutup Pemeriksaan bersama Peserta Skim bagi membincangkan temuan, tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang perlu diambil oleh Peserta Skim.
- 6.16 Pegawai Pemeriksa menyerahkan satu (1) salinan asal Laporan Pemeriksaan (ABK 8) beserta satu (1) salinan asal Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7) kepada Peserta Skim bagi pemeriksaan yang 'Lulus'; dan satu (1) salinan asal Laporan Pemeriksaan (ABK 8) sahaja sekiranya pemeriksaan adalah 'Gagal'.
- 6.17 Pegawai Pemeriksa menyerahkan satu (1) salinan asal Laporan Pemeriksaan (ABK 8) beserta satu (1) salinan asal Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7) bagi pemeriksaan yang 'Lulus' kepada urus setia dalam tempoh tujuh (7) hari selepas pemeriksaan dilaksanakan.
- 6.18 Urus setia menerima Laporan Pemeriksaan (ABK 8) dan Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7). Semua dokumen difailkan di dalam Fail Peserta Skim dan hasil Laporan Pemeriksaan diisi ke dalam Pangkalan Data Skim Pengesahan Bahan Tanaman.
- 6.19 Urus setia sediakan rumusan keseluruhan Laporan Pengesahan Pokok Induk mengikut suku tahun.



- 6.20 Urus setia membentangkan rumusan keseluruhan Laporan Pengesahan Pokok Induk di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman untuk kelulusan.
- 6.21 Urus setia beri Surat Keputusan Lulus Pengesahan Pokok Induk (ABK 3D) kepada Peserta Skim bagi Pengesahan Pokok Induk yang 'Lulus'; dan Surat Keputusan Gagal Pengesahan Pokok Induk (ABK 3D) bagi Pengesahan Pokok Induk yang 'Gagal'.
- 6.22 Urus setia failkan satu salinan surat Keputusan Pengesahan Pokok Induk ke dalam Fail Peserta Skim.
- 6.23 Urus setia isi Keputusan Pengesahan Pokok Induk ke dalam Pangkalan Data Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

## Carta Alir Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman



Urus setia terima arahan dari Pengarah untuk selaras permohonan

Urus setia terima Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3)

Urus setia semak Borang ABK 1 dan beri keputusan 'Lengkap' atau 'Tidak Lengkap' atau 'Tidak Memenuhi Syarat'

Urus setia maklum kepada pemohon:  
 (b) Surat Maklum Penerimaan Permohonan (ABK 3A) bagi permohonan Lengkap; atau  
 (c) Surat Makluman Penolakan Permohonan (ABK 3B) bagi permohonan 'Tidak Memenuhi Syarat'; atau  
 (d) Melengkap borang permohonan yang 'Tidak Lengkap'

Urus setia terima arahan dari Pengarah untuk selaras pelaksanaan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk

Urus setia sedia jadual pemeriksaan dan kenalpasti Pegawai Pemeriksa

Pengarah melantik Pegawai Pemeriksa dan beri arahan pelaksanaan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk melalui SuratArahan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3C)

Urus setia maklum Peserta Skim jadual pemeriksaan melalui panggilan telefon dan emel


Pegawai Pemeriksa terima arahan pemeriksaan, melaksanakan Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk, sedia Pelan Lakar Ladang dan sediakan Laporan Pemeriksaan (ABK 8)

Lulus Pemeriksaan:  
 (c) Pegawai Pemeriksa serah pada Peserta Skim Laporan Pemeriksaan (ABK 8) dan Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7)

Gagal Pemeriksaan:  
 (d) Pegawai Pemeriksa serah pada Peserta Skim Laporan Pemeriksaan (ABK 8) sahaja

Pegawai Pemeriksa serah satu salinan asal Laporan Pemeriksaan (ABK 8) dan Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7) kepada urus setia





Pegawai Pemeriksa serah satu salinan asal Laporan Pemeriksaan (ABK 8) dan Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7) kepada urus setia

Urus setia terima Laporan Pemeriksaan (ABK 8), Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7), Pelan Lakar Ladang, failkan semua dokumen dan buat pengisian di Pangkalan Data Skim Pengesahan Bahan Tanaman

Urus setia sediakan rumusan keseluruhan Laporan Pengesahan Pokok Induk

Urus setia membentangkan Laporan Pengesahan Pokok Induk di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman untuk kelulusan

Urus setia maklum kepada pemohon:

- (e) Surat Keputusan Lulus Pengesahan Pokok Induk (ABK 3D) bagi pemeriksaan yang 'Lulus'; atau
- (f) Surat Keputusan Gagal Pengesahan Pokok Induk (ABK 3E) bagi pemeriksaan yang 'Gagal'

Urus setia failkan salinan Surat Keputusan Pengesahan Pokok Induk dalam Fail Peserta Skim

Urus setia isi Keputusan Pengesahan Pokok Induk dalam Pangkalan Data Skim Pengesahan Bahan Tanaman

Tamat

## **7. Borang-borang**

---

7.1) Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3)

## **8. Rujukan**

---

8.1) Manual Skim Pengesahan Bahan Tanaman

## **9. Lampiran**

---

9.1) Surat Makluman Penerimaan Permohonan (ABK 3A)

9.2) Surat Makluman Penolakan Permohonan (ABK 3B)

9.3) Surat Arahan Pemeriksaan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3C)

9.4) Perakuan Pengesahan Pokok Induk (ABK 7)

9.5) Laporan Pemeriksaan (ABK 8)

9.4) Surat Keputusan Lulus Pengesahan Pokok Induk (ABK 3D)

9.5) Surat Keputusan Gagal Pengesahan Pokok Induk (ABK 3E)

## **10. Pematuhan**

---




Kegagalan pegawai dan kakitangan mematuhi TOP Pemeriksaan dan Pengesahan Pokok Induk di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

## **11. Tarikh Kuatkuasa**

---

Tarikh TOP berkuatkuasa pada 31 Oktober 2022



	Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan			
Nama	ZULMI BIN YAACOB	ROZZIAH BINTI BUJANG MASLI	AZREEN BIN BASIR
Jawatan	Ketua Unit	Ketua Seksyen	Pengarah Bahagian
Tarikh	14 Oktober 2022	14 Oktober 2022	14 Oktober 2022



## BORANG PERMOHONAN PENGESAHAN POKOK INDUK / BAHAN TANAMAN

### I. MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama Peserta Skim : .....
2. No. Pendaftaran Peserta Skim : .....

### II. MAKLUMAT PERMOHONAN PENGESAHAN

(Tandakan (/) pada jenis pengesahan yang ingin dimohon)

#### 1. Pokok Induk

Bil.	Jenis Tanaman	Nama Varieti	Bilangan Pokok Induk	Lokasi	Cadangan Tarikh Untuk Pemeriksaan

#### 2. Bahan Tanaman

Bil.	Jenis Tanaman	Nama Varieti	Bilangan Pokok Induk	Lokasi	Cadangan Tarikh Untuk Pemeriksaan

Jika permohonan pemeriksaan bahan tanaman adalah bagi tanaman pisang dan nanas, sila nyatakan tarikh terakhir pengesahan pokok induk telah dijalankan:

Bil.	Tarikh Pengesahan Pokok Induk	No. Plot	Bilangan Pokok Induk Disahkan

### III. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengesahkan bahawa segala butiran yang dinyatakan di atas adalah benar dan memenuhi syarat-syarat dan garis panduan di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

Tandatangan:  
Nama:  
Jawatan:  
Tarikh:

Cop Syarikat:



I. **UNTUK KEGUNAAN PEJABAT URUS SETIA**

1.	Tarikh permohonan diterima:
2.	Keputusan Semakan: <input type="checkbox"/> Dokumen Lengkap <input type="checkbox"/> Dokumen Tidak Lengkap <input type="checkbox"/> Dokumen Tidak Memenuhi Syarat
Catatan:	
Tandatangan: Nama: Tarikh:	Cop:

Sila hantarkan borang permohonan yang telah diisi kepada:

Urusetia  
Skim Pengesahan Bahan Tanaman  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian  
Aras 7, No. 30, Wisma Tani, Lot 4G2, Persiaran Perdana, Presint 4  
62624 Putrajaya  
No. Tel : 03-88703448  
No. Faks :03-88887639  
Emel : [spbtbkt@doa.gov.my](mailto:spbtbkt@doa.gov.my)



**BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN**  
**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Department of Agriculture)*  
WISMA TANI  
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



*Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab*

Ruj. Kami :  
Tarikh :

**Peserta Skim**

.....  
.....

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN PENGESAHAN POKOK INDUK/BAHAN  
TANAMAN (ABK 3)**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 3) YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk pengesahan pokok induk/bahan tanaman bagi ladang/nurseri berikut telah diterima dan dalam tindakan pihak kami.

.....  
.....

3. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami ..... di talian ..... dan sebutkan Nombor Pendaftaran Peserta Skim.

Sekian, terima kasih

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)  
Pengarah  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Fail Peserta Skim





**BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN**  
**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Department of Agriculture)*  
**WISMA TANI**  
 ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
 PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

Ruj. Kami :  
 Tarikh :

**Peserta Skim**

.....  
 .....

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**PERMOHONAN TIDAK MEMENUHI SYARAT-SYARAT DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3) YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan bertarikh ..... telah disemak dan permohonan YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

Bil.	Nama Pemohon	Alamat Ladang/Nurseri	Sebab Tidak Memenuhi Syarat

3. Sehubungan itu, permohonan YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan tidak layak untuk diproses ke peringkat seterusnya. Bersama-sama ini disertakan salinan Borang Permohonan Pengesahan Pokok Induk/Bahan Tanaman (ABK 3) YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk rujukan.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami ..... di talian .....

Sekian, terima kasih

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pengarah  
 Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
 Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Fail Peserta Skim



**BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN**  
**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Department of Agriculture)*  
WISMA TANI  
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



*Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab*

Ruj. Kami :  
Tarikh :

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN PEMERIKSAAN KETULENAN DAN KUALITI POKOK INDUK DAN BAHAN TANAMAN BAGI BULAN ..... TAHUN .....**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Seksyen Pengesahan Bahan Tanaman, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman telah menerima permohonan pemeriksaan ketulen dan kualiti pokok induk dan bahan tanaman.

3. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan selaku Pegawai Pemeriksa di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman dimohon untuk melaksanakan pemeriksaan dan pengesahan tersebut. Jadual pemeriksaan dan pengesahan adalah seperti di Lampiran 1. Sebarang perubahan ke atas jadual ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

4. YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan perlu mengemukakan Laporan Pemeriksaan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pemeriksaan. Sebarang pertanyaan, hubungi pegawai kami ..... di talian..... Kerjasama YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan berkenaan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pengarah

Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
Jabatan Pertanian Malaysia







### PERAKUAN PENGESAHAN POKOK INDUK

1. Nama Peserta Skim : .....
2. No. Pendaftaran Peserta Skim : .....
3. Alamat Ladang/Nursery : .....
4. Tarikh Pemeriksaan : .....

Bil.	Tanaman	Varieti	Tahun Tanam	No. Blok/Plot	Jumlah Pokok Induk Diperakukan	No. Pendaftaran Pokok Induk

Tandatangan:

Tandatangan:

( ..... )

( ..... )

Pegawai Pemeriksa 1

Pegawai Pemeriksa 2

Cop SPBT:

Tarikh:



ABK 8

**LAPORAN PEMERIKSAAN****I. MAKLUMAT PEMOHON**

1. Nama Peserta Skim : .....
2. No. Pendaftaran Peserta Skim : .....
3. Alamat Ladang/Nurseri : .....
4. Tarikh dan Masa : .....
5. Senarai Kehadiran : 1. ....
2. ....
3. ....
4. ....

**II. HASIL PEMERIKSAAN**

Temuan Pemeriksaan:			
i.	Tidak mencapai Standard:	ii.	Perosak dan Penyakit:
iii.	Pokok Takai	iv.	Lain-lain:

Bil.	Perkara	Jenis Pemeriksaan			
		(i) Pokok Induk		(ii) Bahan Tanaman	
1.	Bilangan Dimohon				
2.	Bilangan Diperiksa				
3.	Bilangan Diperaku				
4.	Bilangan untuk pembedahan /pelupusan				
5.	Kaedah Pembedahan /Pelupusan				
6.	Cadangan Penambahbaikan				
7.	Keputusan Pemeriksaan: (Tandakan (/) pada salah satu jenis keputusan sahaja)				
	i. Lulus				
	ii. Pemeriksaan Semula				
	iii. Gagal				
8.	Tarikh Pemeriksaan Semula (jika berkaitan)				
9.	Catatan				

( ..... ) ( ..... )  
 Pegawai Pemeriksa 1 Pegawai Pemeriksa 2

( ..... )  
 Nama Peserta Skim & Cop Syarikat





**BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN**  
**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Department of Agriculture)*  
WISMA TANI  
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



*Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab*

Ruj. Kami :  
Tarikh :

**Peserta Skim**

.....  
.....

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**KEPUTUSAN PENGESAHAN POKOK INDUK DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jawatankuasa Teknikal Pengesahn Bahan Tanaman telah memperakui bahawa pokok induk di nurseri/ladang milik YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

3. Sehubungan itu, pokok induk di nurseri/ladang YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan seperti berikut **DIPERAKU** di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman mulai (tarikh) .....

Alamat nurseri/ladang : .....

No. Blok/Plot : .....

4. Sila sebutkan Nombor Pendaftaran Peserta Skim untuk sebarang urusan surat-menyurat seterusnya bagi nurseri/ladang tersebut. Sebarang pertanyaan, hubungi pegawai kami ..... di talian .....

Sekian, terima kasih

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pengarah

Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Fail Peserta Skim



**BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN**  
**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Department of Agriculture)*  
WISMA TANI  
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

Ruj. Kami :  
Tarikh :

**Peserta Skim**

.....  
.....

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**KEPUTUSAN PENGESAHAN POKOK INDUK DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dukacita dimaklumkan Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman telah memutuskan bahawa pokok induk di nurseri/ladang milik YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan seperti yang berikut tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

Alamat nurseri/ladang : .....  
No. Blok/Plot : .....  
Sebab Tidak Memenuhi Syarat : .....

3. Sehubungan itu, pokok induk di nurseri/ladang YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan tersebut **TIDAK DIPERAKU** di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman dan YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan tidak layak untuk membuat permohonan Pengesahan Bahan Tanaman bagi nurseri/ladang tersebut.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami ..... di talian ..... dan sebutkan Nombor Pendaftaran Peserta Skim.

Sekian, terima kasih

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)  
Pegarah  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman  
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Fail Peserta Skim